A

AMIRRUDDIN NIN lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MUHAMMAD JAMIL HUSSIN H
[RAYUAN JENAYAH NO: WA-42SC-3-07-2022]
24 JULAI 2023

B

Abstrak – *Tidak adil jika satu perintah baharu, bawah s. 32(2)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, dikeluarkan terhadap seseorang atas kegagalannya mematuhi perintah sebelumnya. Dengan mengeluarkan perintah baharu terhadap orang itu untuk siasatan yang sama, dia dibebankan dengan lebih daripada satu perintah yang sama, yang kegagalan untuk mematuhinya akan menyebabkan dia dituduh dan didakwa dengan lebih daripada satu pertuduhan sedangkan perintah sebelumnya dan perintah baharu adalah berkaitan satu siasatan yang sama.*

C

D

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan – Kegagalan hadir di hadapan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk diperiksa – Pegawai penyiasat mengeluarkan tiga perintah terhadap tertuduh agar hadir di hadapannya untuk pemeriksaan berkaitan siasatan – Tertuduh gagal hadir – Sama ada elemen-elemen kesalahan berjaya dibuktikan – Sama ada pembelaan tertuduh berjaya membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan – Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, ss. 32(2)(a), 32(8)(a) & 78(2)(b)*

E

F

PROSEDUR JENAYAH: *Pendakwaan – Pendakwaan berganda – Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengeluarkan tiga perintah pada tiga tarikh berlainan terhadap tertuduh agar hadir di hadapannya untuk pemeriksaan berkaitan siasatan – Tertuduh gagal hadir – Tertuduh dituduh dengan tiga pertuduhan atas kegagalannya untuk hadir – Sama ada ketiga-tiga perintah untuk hadir di hadapan pegawai penyiasat adalah berkaitan siasatan kes yang sama – Sama ada membentuk satu kesalahan yang sama – Sama ada perintah kedua dan ketiga wajar dikeluarkan – Sama ada tertuduh terdedah pada pertuduhan dan pendakwaan berganda – Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, ss. 32(2)(a) & 32(8)(a)*

G

H

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Prinsip – Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengeluarkan tiga perintah terhadap tertuduh agar hadir di hadapannya untuk pemeriksaan berkaitan siasatan – Tertuduh gagal hadir – Tertuduh dituduh dengan tiga pertuduhan atas kegagalannya untuk hadir – Tertuduh didapati bersalah – Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara satu hari dan denda RM100,000, gagal bayar enam bulan penjara serta denda untuk kesalahan*

I

berterusan RM2,000 sehari (untuk 979 hari), gagal bayar 12 bulan penjara – Sama ada hukuman terlampau berlebihan – Sama ada terdapat elemen kesalahan berterusan – Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, ss. 32(2)(a) & 32(8)(a)

Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ('SP8') telah, pada tiga tarikh berlainan, mengeluarkan tiga perintah bawah s. 32(2)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLATFPUA'), terhadap perayu, mengkehendakinya agar hadir di hadapan SP8 untuk pemeriksaan berkaitan satu siasatan. Ekoran kegagalan perayu untuk hadir di hadapan SP8, dia dituduh di Mahkamah Sesyen dengan tiga pertuduhan bawah s. 32(8) AMLATFPUA. Perayu didapati bersalah, disabitkan atas ketiga-tiga pertuduhan dan dijatuhkan hukuman penjara satu hari dan denda RM100,000, jika tidak bayar enam bulan penjara, serta denda untuk kesalahan berterusan RM2,000 sehari, iaitu dari 15 Jun 2017 hingga 18 Februari 2020 (979 hari) berjumlah RM1,958,000, jika tidak bayar 12 bulan penjara. Maka, timbul rayuan ini oleh perayu terhadap sabitan dan hukuman terhadapnya. Menyokong rayuannya, perayu menegaskan: (i) ketiga-tiga perintah adalah berkaitan siasatan kes yang sama. Kegagalan hadir di hadapan SP8, menurut perintah-perintah tersebut, adalah satu kesalahan yang sama. Perintah selanjutnya, iaitu perintah kedua dan ketiga, tidak boleh dikeluarkan kerana ini mendedahkan perayu pada pendakwaan berganda; (ii) perayu telah memberi alasan mengapa dia tidak hadir di hadapan SP8, iaitu tiada tarikh yang sesuai, dan tidak mempunyai niat untuk tidak mematuhi perintah pertama. Walau bagaimanapun, hakim bicara tidak menimbangkan alasan perayu dan gagal mengambil kira niat perayu; (iii) hakim bicara terkhilaf apabila mendapati SP8 adalah seorang saksi belot dan menolak keterangannya. Jika pun SP8 seorang saksi belot, ini tidak bermakna keterangannya harus diketepikan secara keseluruhan. Hakim bicara perlu meneliti keseluruhan keterangan SP8 iaitu sama ada terdapat percanggahan dalam keterangannya. Sekiranya diterima, keterangan SP8 telah menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan; dan (iv) hukuman yang dijatuhkan terlampau berlebihan.

Diputuskan (membenarkan sebahagian rayuan):

(1) Ketiga-tiga perintah mengkehendaki agar perayu hadir di hadapan SP8 untuk pemeriksaan berkaitan satu siasatan. Walaupun berlainan tarikh, ketiga-tiga perintah ini merujuk satu siasatan dan satu kertas siasatan yang sama. Kegagalan perayu untuk hadir di hadapan SP8 untuk satu siasatan yang sama adalah satu kesalahan yang sama walaupun berlainan tarikh. Pertuduhan pertama hingga ketiga terhadap perayu adalah pertuduhan berganda untuk kesalahan yang sama. Perayu hanya boleh dituduh dengan satu pertuduhan sahaja iaitu pertuduhan pertama yang

berkaitan perintah pertama. Perayu tidak boleh dituduh dengan pertuduhan kedua dan ketiga yang, masing-masing, berkaitan perintah kedua dan ketiga; pertuduhan kedua dan ketiga tidak boleh dipertahankan. Apabila perayu gagal hadir di hadapan SP8 menurut perintah pertama, dia seharusnya dituduh dengan satu kesalahan sahaja bawah s. 32(8)(a) AMLATFPUA, bukan dikeluarkan dengan perintah baharu terhadapnya. Pengeluaran perintah baharu terhadap perayu tidak wajar. (perenggan 40-42)

(2) Pihak pendakwaan, dalam membuktikan satu kes *prima facie* untuk kesalahan bawah s. 32(8)(a) AMLATFPUA, mesti membuktikan elemen-elemen kesalahan berikut: (i) pegawai penyiasat memerintahkan perayu hadir di hadapannya untuk pemeriksaan. Elemen ini telah dibuktikan menerusi keterangan SP8 yang mengeluarkan perintah pertama pada perayu, mengarahkan perayu hadir di hadapannya untuk pemeriksaan; (ii) perintah itu disampaikan kepada perayu. Penyampaian perintah pertama kepada perayu dibuat melalui cara yang diperuntukkan bawah s. 78(2)(b) AMLATFPUA dan adalah sempurna. Elemen ini telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan; dan (iii) perayu gagal hadir di hadapan pegawai penyiasat. Elemen ini dibuktikan menerusi keterangan SP8; perayu sememangnya gagal hadir di hadapan SP8 pada tarikh yang ditetapkan. Setiap elemen kesalahan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Jelas bahawa satu kes *prima facie* berjaya dibuktikan untuk pertuduhan pertama. (perenggan 48-54)

(3) Hakim bicara mempunyai budi bicara, bawah s. 154 Akta Keterangan 1950, untuk membenarkan permohonan pihak pendakwaan memeriksa balas saksinya. Hakim bicara telah memutuskan bahawa SP8 adalah seorang saksi belot dan menerima sebahagian keterangannya manakala menolak sebahagian lagi. Hakim bicara telah menggunakan budi bicara beliau dengan betul. Beliau mempunyai kelebihan melihat dan mendengar ketika SP8 memberi keterangan. Seterusnya, tiada keraguan dalam kes pendakwaan iaitu pertuduhan pertama. Kesalahan untuk pertuduhan pertama telah dibuktikan melampaui keraguan munasabah. Pembelaan perayu tidak menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan untuk pertuduhan pertama. Sabitan terhadap perayu untuk pertuduhan pertama adalah selamat; terdapat keterangan kukuh untuk mensabitkan perayu. (perenggan 57, 61, 62 & 64)

(4) Hukuman untuk kesalahan bawah s. 32(8)(a) AMLATFPUA ialah denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Oleh itu, hukuman satu hari penjara dan denda RM100,000 untuk pertuduhan pertama tidak terlampau berlebihan. Hakim bicara telah menggunakan prinsip penghukuman dengan betul. Seksyen 32(8) AMLATFPUA seterusnya memperuntukkan penalti untuk kesalahan berterusan. Perintah pertama yang dikeluarkan pada perayu mengkehendaki agar dia hadir pada satu hari sahaja; perayu tidak

dikehendaki terus hadir dari hari ke hari hingga pemeriksaan selesai. Tidak terdapat elemen kesalahan berterusan yang dilakukan oleh perayu. Apabila perayu gagal hadir pada tarikh yang dinyatakan, perayu hanya melakukan kesalahan sekali dan untuk semua dan bukan kesalahan berterusan. (perenggan 67, 79 & 81)

(5) Sabitan dan hukuman dalam pertuduhan pertama dikekalkan manakala sabitan dan hukuman dalam pertuduhan kedua dan ketiga diketepikan. Denda untuk pertuduhan kedua dan ketiga, jika telah dibayar, harus dikembalikan semula kepada perayu. Hukuman denda untuk kesalahan berterusan juga diketepikan. (perenggan 65, 68 & 82)

Kes-kes yang dirujuk:
Ahmad Najib Aris v. PP [2009] 2 CLJ 800 FC ***(dirujuk)***
Kenneth Fook Mun Lee v. PP [2006] 4 CLJ 359 FC ***(dirujuk)***
Lim San Muk v. PP [2019] 1 LNS 1762 CA ***(dirujuk)***
Liow Chow & Anor v. PP [1939] 1 LNS 52 HC ***(dirujuk)***
Low Kian Boon & Anor v. PP [2010] 5 CLJ 489 FC ***(dirujuk)***
Meow Loong Onn v. PP [1996] 3 CLJ 444 HC ***(dibezakan)***
Mohamad Deraman v. PP [2011] 3 CLJ 601 CA ***(dirujuk)***
Mohd Johi Said & Anor v. PP [2005] 1 CLJ 389 CA
Ong Kar Kian v. PP (Rayuan Jenayah No: WA-42-SC-1-12-2020) (Unreported) ***(dirujuk)***
PP v. Choo Kang Leng [2022] 3 CLJ 491 HC ***(dibezakan)***
PP v. Fam Kim Hock [1956] 1 LNS 83 HC ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Nor & Ors [1985] 1 LNS 25 SC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
State Of Bihar v. Deokaran Nenshi [1973] 1 SCR 100 ***(dirujuk)***
Taiping Town Council v. Beh Cheng Siew [1955] 1 LNS 154 HC ***(dibezakan)***
Tan Kim Ho & Anor v. PP [2009] 3 CLJ 236 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Money Laundering, Anti-terrorism Financing And Proceeds Of Unlawful Activities Act 2001, ss. 32(2)(a), (3)(a), (8)(a), 78(2)(b)
Evidence Act 1950, s. 154
Federal Territory (Planning) Act 1982, s. 26(1)
Street, Drainage And Building Act 1974, s. 70(13)
Town Boards Enactment (Cap 137), s. 17(ii)

Bagi pihak perayu - Amer Hamzah Arshad & Joshua Tay; T/n AmerBON
Bagi pihak responden - Aaron Abhilash Paul Chelliah & Keith Loo; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur; Kes Tangkap No: WA-62SC-4-02-2020 (ditolak).]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

A

PENGHAKIMAN

Muhammad Jamil Hussin H:

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu Amirruddin bin Nin terhadap sabitan dan hukuman.

B

[2] Perayu telah dibicarakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur (Hakim bicara) atas tiga pertuduhan di bawah s. 32(8)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUA).

C

[3] Pada penutupan perbicaraan, hakim bicara mendapati perayu bersalah atas tiga pertuduhan tersebut dan disabitkan. Bagi setiap pertuduhan perayu dihukum penjara satu hari dan denda RM100,000 jika tidak bayar enam bulan penjara serta denda bagi kesalahan berterusan RM2,000 sehari dari tarikh 15 Jun 2017 hingga 18 Februari 2020 (979 hari) berjumlah RM1,958,000 jika tidak bayar, 12 bulan penjara.

D

[4] Hukuman denda bagi kesalahan berterusan digantung sehingga rayuan perayu diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

[5] Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut merayu ke Mahkamah Tinggi.

E

Pertuduhan

[6] Perayu telah dituduh dengan tiga pertuduhan seperti berikut:

F

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu pada 14 Jun 2017, di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, No. 3, Persiaran Bukit Kiara, 50490 Kuala Lumpur, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah gagal untuk hadir di hadapan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk diperiksa sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 32(3)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram [Akta 613], dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah perenggan 32(8)(a) Akta 613 dan boleh dihukum di bawah subseksyen 32(8) Akta yang sama.

G

Pertuduhan kedua

H

Bahawa kamu pada 28 Ogos 2017, di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, No. 3, Persiaran Bukit Kiara, 50490 Kuala Lumpur, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah gagal untuk hadir di hadapan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk diperiksa sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 32(3)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram [Akta 613], dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah perenggan 32(8)(a) Akta 613 dan boleh dihukum di bawah subseksyen 32(8) Akta yang sama.

I

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu pada 18 April 2018, di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, No. 3, Persiaran Bukit Kiara, 50490 Kuala Lumpur, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah gagal untuk hadir di hadapan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk diperiksa sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 32(3)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram [Akta 613], dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah perenggan 32(8)(a) Akta 613 dan boleh dihukum di bawah subseksyen 32(8) Akta yang sama.

Kes Pendakwaan

[7] Naratif kes pendakwaan daripada keterangan yang dikemukakan ketika perbicaraan adalah seperti berikut:

[8] Perayu adalah seorang pengarah CTB Solutions Sdn Bhd (P3).

[9] Pegawai penyiasat Yavin Ong Meng Loong (SP8) mengeluarkan perintah bertarikh 13 Jun 2017 di bawah s. 32(2)(a) AMLATFPUA (P7) kepada perayu mengarahkan perayu hadir di hadapannya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 14 Jun 2017 bagi pemeriksaan berkaitan dengan penyiasatan terhadap suatu kesalahan di bawah AMLATFPUA.

[10] P7 dihantar serah kepada Chin Sook Ling (SP5) Pengurus Kewangan CTB Solutions Sdn Bhd.

[11] Perayu gagal hadir.

[12] SP8 mengeluarkan perintah bertarikh 23 Ogos 2017 di bawah s. 32(2)(a) AMLATFPUA (P8) kepada perayu mengarahkan perayu hadir di hadapannya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 28 Ogos 2017 bagi pemeriksaan berkaitan dengan penyiasatan terhadap suatu kesalahan di bawah AMLATFPUA.

[13] P8 dihantar serah kepada Norsabarriahton binti Ramli (SP6) Eksekutif Sumber Manusia CTB Solutions Sdn Bhd.

[14] Perayu gagal hadir.

[15] SP8 mengeluarkan perintah bertarikh 5 April 2018 di bawah s. 32(2)(a) AMLATFPUA (P 9) kepada perayu mengarahkan perayu hadir di hadapannya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 18 April 2018 bagi pemeriksaan berkaitan dengan penyiasatan terhadap suatu kesalahan di bawah AMLATFPUA.

[16] P9 dihantar serah kepada Noorain binti Mohamad Yamin (SP7) Eksekutif Sumber Manusia CTB Solutions Sdn Bhd.

[17] Perayu gagal hadir.

[18] Pemeriksaan di hadapan SP 8 berkaitan penyiasatan terhadap perayu di bawah Capital Market and Services Act dan Anti-Money Laundering Act. P7, P8 dan P9 merujuk kepada satu siasatan dan satu kertas siasatan yang sama.

[19] P7, P8 dan P9 masing-masing adalah hal perkara pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga terhadap perayu.

Dapatan Hakim Bicara Pada Penutupan Kes Pendakwaan

[20] Hakim bicara membuat dapatan seperti berikut:

(i) pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap perayu dan memanggil perayu untuk membela diri;

(ii) setiap satu elemen kesalahan bagi tiga pertuduhan tersebut telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan yakni:

(a) perayu telah diperintahkan menerusi satu perintah yang dikeluarkan oleh pegawai penyiasat untuk hadir di hadapannya bagi tujuan pemeriksaan berhubung siasatan suatu kes;

(b) perayu telah gagal untuk hadir sepertimana yang telah ditetapkan dan diarahkan menerusi perintah tersebut; dan

(c) semua perintah tersebut telah diserahkan kepada seorang dewasa di tempat pekerjaan perayu yang akhir diketahui;

(iii) SP8 merupakan saksi belot (hostile witness). Keterangannya yang bercanggahan dengan keterangan utama yang tidak terbukti dan tidak selaras dengan ekshibit ditolak dan keterangannya yang mempunyai asas dan bukti kukuh seperti keterangan dokumentar dan selaras dengan keterangan saksi lain diterima.

Kes Pembelaan

[21] Pembelaan perayu bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(i) P7, P8 dan P9 tidak pernah diserahkan kepadanya;

(ii) SP8 menghubunginya melalui sms, WhatsApp dan telefon berhubung P7, P8 dan P9;

(iii) minta kepada SP8 supaya ditangguhkan ke tarikh lain kerana tarikh tidak sesuai;

(iv) SP8 berkata boleh dapat tarikh lain tetapi perlu berbincang dengan pegawai atasannya;

(v) tarikh lain yang diberikan oleh SP8 masih lagi tidak sesuai;

(vi) minta tangguh ke tarikh lain empat atau lima kali;

(vii) kali terakhir menghubungi SP8 pada tahun 2018 meminta diberikan tarikh lain;

(viii) SP8 berkata akan berbincang dahulu dengan pegawai atasannya;

(ix) SP8 tidak memaklumkan tarikh baharu kepadanya; dan

(x) tidak hadir di Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 2017 dan 2018.

Dapatan Hakim Bicara Pada Penutupan Kes Pendakwaan

[22] Hakim bicara membuat dapatan seperti berikut:

(i) pembelaan perayu secara amnya adalah berbentuk penafian, rekaan dan pemikiran terkemudian;

(ii) perayu tidak membawa apa-apa sokongan dan keterangan lain selain dari pengataannya sendiri;

(iii) perayu sememangnya berniat untuk tidak mematuhi setiap perintah tersebut; dan

(iv) pembelaan perayu telah gagal menimbulkan satu keraguan munasabah dalam kes pendakwaan dan pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah.

Tanggungjawab Mahkamah Yang Mendengar Rayuan Jenayah Terhadap Sabitan

[23] Pertama sekali prinsip undang-undang adalah jelas bahawa dalam rayuan jenayah terhadap sabitan, tanggungjawab mahkamah yang mendengar rayuan ialah untuk menentukan jika sabitan terhadap perayu adalah selamat dan bukan sama ada keputusan adalah salah (lihat: *Mohd Johi Said & Anor v. PP* [2005] 1 CLJ 389; *Mohamad Deraman v. PP* [2011] 3 CLJ 601; [2011] 3 MLJ 289).

[24] Kedua, prinsip undang-undang juga adalah jelas bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak harus sewenang-wenangnya mengganggu dapatan fakta mahkamah perbicaraan melainkan jika mahkamah perbicaraan telah dengan nyata terkhilaf dalam menilai fakta-fakta kes tersebut (lihat *Tan Kim Ho & Anor v. PP* [2009] 3 CLJ 236; *Kenneth Fook Mun Lee v. PP* [2006] 4 CLJ 359; *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457; *Low Kian Boon & Anor v. PP* [2010] 5 CLJ 489; dan *Lim San Muk v. PP* [2019] 1 LNS 1762).

[25] Ketiga, prinsip undang-undang juga adalah jelas bahawa mahkamah yang mendengar rayuan mempunyai kuasa untuk menyemak atau menilai semula semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan membuatkan suatu pemeriksaan semula secara kritikal ke atas keterangan itu (lihat: *Ahmad Najib Aris v. PP* [2009] 2 CLJ 800; [2009] 2 MLJ 613; *Mohamad Deraman v. PP supra*).

Tanggungjawab Mahkamah Yang Mendengar Rayuan Jenayah Terhadap Hukuman

[26] Prinsip undang-undang adalah jelas bahawa mahkamah yang mendengar rayuan jenayah terhadap hukuman tidak akan mengganggu atau mengubah hukuman oleh mahkamah perbicaraan melainkan hukuman itu ternyata salah, salah dalam erti kata menyalahi undang-undang atau tidak sesuai kepada fakta dan hal keadaan kes itu (lihat *Liow Chow & Anor v. PP* [1939] 1 LNS 52; [1939] MLJ 170; *PP v. Fam Kim Hock* [1956] 1 LNS 83; [1957] MLJ 20; *PP v. Mohamed Nor & Ors* [1985] 1 LNS 25; [1985] 2 MLJ 200) atau terlampau kurang atau terlampau berlebihan (lihat *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256).

[27] Saya memutuskan alasan-alasan yang dibangkitkan dalam rayuan ini berpandukan kepada prinsip undang-undang yang dinyatakan di atas.

Rayuan Ini

[28] Saya telah mendengar rayuan perayu.

[29] Saya telah membaca rekod rayuan. Saya telah menimbang hujahan bertulis dan hujahan lisan peguam perayu dan hujahan bertulis dan hujahan lisan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) serta nas undang-undang yang dirujuk.

[30] Perayu menyenaraikan beberapa alasan rayuan dalam petisyen rayuan (ms. 17 hingga 20 Rekod Rayuan Jilid 1).

Rayuan Terhadap Sabitan

[31] Di hadapan saya, peguam perayu membangkitkan alasan-alasan berikut:

(i) pertuduhan berganda untuk satu kesalahan;

(ii) doctrine of election;

(iii) elemen *mens rea* tidak dibuktikan; dan

(iv) SP8 bukan saksi belot.

Dapatan Mahkamah

Alasan (i) Dan Alasan (ii): Pertuduhan Berganda Untuk Satu Kesalahan Dan Doctrine Of Election

[32] Peguam perayu berhujah P7, P8 dan P9 berhubung dengan siasatan bagi suatu kes yang sama. Kegagalan hadir di hadapan SP8 menurut P7, P8 dan P9 merupakan suatu kesalahan yang sama. Perintah selanjutnya (P8 dan P9) tidak boleh dikeluarkan. Pengeluaran perintah selanjutnya (P8 dan P9) mendedahkan perayu kepada pendakwaan berganda bagi suatu kesalahan yang sama. Tindakan pendakwaan tidak diambil walaupun perayu gagal hadir menurut P7. Responden memilih untuk tidak mendakwa perayu

sebaliknya mengeluarkan P8 dan P9. Ini menimbulkan suatu jangkaan yang sah (legitimate expectation) kepada perayu bahawa responden telah mengubah tarikh dalam P7 dan memilih untuk tidak mendakwa perayu.

[33] TPR berhujah tidak timbul isu pertuduhan berganda. Tiada sekatan di bawah s. 32(2) AMLATFPUA berhubung perintah yang dikeluarkan. Kegagalan untuk hadir pada tarikh berlainan adalah suatu kesalahan. Kegagalan untuk hadir menurut setiap P7, P8 dan P9 terjumlah kepada suatu kesalahan yang berasingan. TPR merujuk kes *Ong Kar Kian v. PP* (Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Rayuan Jenayah No: WA-42SC-1-12-2020). Doktrin jangkaan yang sah tidak terpakai kepada undang-undang jenayah. Hakim bicara tidak menerima keterangan SP8 berhubung penjadualan semula tarikh kerana tidak selaras dengan keterangan dokumentar. Isu jangkaan yang sah tidak timbul kerana keterangan SP8 telah ditolak.

[34] Seksyen 32(2)(a), 32(3)(a) dan s. 32(8)(a) AMLATFPUA memperuntukan seperti berikut:

> 32(2) An investigating officer may order, orally or in writing, any person whom he believes to be acquainted with the facts and circumstances of the case:
>
> (a) to attend before him for examination;
>
> (b) ...
>
> (c) ...
>
> 32(3) A person to whom an order under paragraph (2)(a) has been given shall:
>
> (a) attend the examination accordance with the terms of the order, and shall continue to attend from day to day where so directed until the examination is completed; and
>
> (b) ...
>
> 32(8) Any person who:
>
> (a) fails to appear before an investigating officer as required under paragraph (2)(a);
>
> (b) ...; or
>
> (c) ...
>
> commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding three million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both, and, in the case of a continuing offence, shall in addition be liable to a fine not exceeding three thousand ringgit for each day or part thereof during which the offence continues to be committed.

[35] Seksyen 32(3)(a) menghendaki seorang yang diberikan perintah di bawah s. 32(2)(a) hadir di hadapan pegawai penyiasat bagi pemeriksaan menurut terma-terma perintah itu. Seksyen 32(8)(a) memperuntukkan mana-mana orang yang gagal hadir di hadapan pegawai penyiasat sebagaimana dikehendaki di bawah s. 32(2)(a) melakukan suatu kesalahan dan penalti bagi kesalahan berterusan.

[36] P7 menghendaki perayu hadir di hadapan SP8 di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 14 Jun 2017 bagi pemeriksaan berkaitan dengan penyiasatan terhadap suatu kesalahan di bawah AMLATFPUA. Menurut SP8, pemeriksaan di hadapannya berkaitan penyiasatan terhadap perayu di bawah Capital Market and Services Act dan Anti-Money Laundering Act. Perayu gagal hadir.

[37] Perayu telah melakukan suatu kesalahan apabila gagal hadir di hadapan SP8 pada 14 Jun 2017. Perayu seharusnya dituduh dengan suatu kesalahan di bawah s. 32(8)(a). Tetapi perayu tidak dituduh sebaliknya SP8 mengeluarkan P8 dan kemudian P9 kepada perayu mengarahkan perayu hadir pada suatu tarikh lain.

[38] Sama ada pengeluaran perintah seterusnya (P8 dan P9) ke atas perayu adalah wajar.

[39] Saya tidak setuju dengan keputusan Mahkamah Tinggi dalam *Ong Kar Kian v. PP, supra* yang menyatakan seperti berikut:

> [10] I am of the view that the issuance of three different notices were proper and well within the ambit of the law and for prosecution to be initiated premised upon it due to non-compliance by the accused in not attending for the purposes of the investigation.

[40] Fakta yang tidak dipertikaikan ialah P7, P8 dan P9 menghendaki perayu hadir di hadapan SP8 bagi pemeriksaan berkaitan penyiasatan terhadap perayu di bawah Capital Market and Services Act dan Anti-Money Laundering Act. Walaupun berlainan tarikh, P7, P8 dan P9 merujuk kepada satu siasatan dan satu kertas siasatan yang sama. Kegagalan untuk hadir di hadapan SP8 bagi satu siasatan yang sama merupakan suatu kesalahan yang sama walaupun berlainan tarikh.

[41] Pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga terhadap perayu merupakan pertuduhan berganda untuk suatu kesalahan yang sama. Pada pandangan saya, perayu hanya boleh dituduh dengan satu pertuduhan sahaja iaitu pertuduhan pertama yang berkaitan P7. Perayu tidak boleh dituduh dengan pertuduhan kedua yang berkaitan P8 dan pertuduhan ketiga yang berkaitan P9. Justeru, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga tidak boleh dipertahankan.

[42] Apabila perayu gagal hadir di hadapan SP8 menurut P7, perayu seharusnya dituduh dengan suatu kesalahan di bawah s. 32(8)(a) AMLATFPUA, bukan dikeluarkan suatu perintah baharu kepada perayu. Pengeluaran suatu perintah baharu kepada perayu adalah tidak wajar.

[43] Beberapa persoalan berbangkit jika suatu perintah baharu dikeluarkan. Apa berlaku kepada perintah sebelumnya. Adakah perintah sebelumnya tidak berkuatkuasa atau masih berkuatkuasa? Adakah perintah baharu mengatasi perintah sebelumnya? Adakah suatu kesalahan jika gagal mematuhi perintah sebelumnya memandangkan perintah baharu dikeluarkan?

[44] Adalah tidak adil suatu perintah baharu dikeluarkan terhadap perayu di atas kegagalan mematuhi perintah sebelumnya. Perayu seharusnya dituduh dengan kesalahan di bawah s. 32(8)(a) AMLATFPUA di atas kegagalan mematuhi perintah sebelumnya. Dengan dikeluarkan suatu perintah baharu kepada perayu bagi satu siasatan yang sama, perayu telah dibebankan dengan lebih daripada satu perintah yang mana kegagalan untuk mematuhinya akan menyebabkan dia dituduh dengan lebih daripada satu pertuduhan sedangkan perintah sebelumnya dan perintah baharu adalah berkaitan dengan suatu siasatan yang sama.

Alasan (iii): Elemen Mens Rea Tidak Dibuktikan

[45] Saya telah memutuskan bahawa pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga tidak boleh dipertahankan. Justeru, alasan (iii) hanya berkenaan P7 iaitu hal perkara pertuduhan pertama sahaja.

[46] Peguam perayu berhujah ketika kes pembelaan perayu telah memberikan alasan mengapa dia tidak hadir. Perayu tidak mempunyai niat untuk tidak mematuhi P7. Hakim bicara tidak menimbang alasan perayu. Hakim bicara gagal mengambil kira niat perayu. Pembelaan perayu telah menimbulkan keraguan munasabah.

[47] TPR berhujah pembelaan perayu merupakan penafian semata-mata dan suatu fikiran terkemudian. Mengapa perayu tidak mematuhi P7. Hakim bicara telah menimbang pembelaan perayu. Hakim bicara menolak pembelaan perayu yang bersifat penafian semata-mata dan suatu fikiran terkemudian.

[48] Saya setuju dengan hujahan TPR bahawa untuk membuktikan suatu kes *prima facie* bagi kesalahan di bawah s. 32(8)(a) AMLATFPUA pihak pendakwaan mesti membuktikan elemen kesalahan berikut:

(i) pegawai penyiasat memerintahkan perayu hadir di hadapannya bagi pemeriksaan;

(ii) perintah itu disampaikan kepada perayu; dan

(iii) perayu gagal hadir di hadapan pegawai penyiasat.

Elemen (i): Pegawai Penyiasat Memerintahkan Perayu Hadir Di Hadapannya Bagi Pemeriksaan

[49] Elemen ini dibuktikan menerusi keterangan SP8 yang mengeluarkan P7 kepada perayu mengarahkan perayu hadir di hadapannya bagi pemeriksaan. Perintah itu menghendaki perayu hadir di hadapan SP8 pada 14 Jun 2017.

Elemen (ii): Perintah Itu Disampaikan Kepada Perayu

[50] Seksyen 78(2) AMLATFPUA memperuntukkan seperti berikut:

> 78(2) Any notice or order issued or made under this Act shall, where it is required to be served on a natural person, be served by:
>
> (a) delivering it personally to the person for whom it is intended;
>
> (b) delivering it to an adult person at the last-known place of residence, occupation or business of the person for whom it is intended; or
>
> (c) sending it by registered post to the person for whom it is intended.

[51] Seksyen 78(2) memperuntukkan tiga cara bagaimana P7 hendaklah disampaikan kepada perayu. Dalam kes ini P7 dihantar serah kepada SP5 iaitu Pengurus Kewangan CTB Solutions Sdn Bhd. Perayu adalah seorang pengarah CTB Solutions Sdn Bhd. Oleh itu, CTB Solutions Sdn Bhd merupakan tempat pekerjaan perayu yang akhir diketahui. Alamat dalam P7 adalah alamat perniagaan CTB Solutions Sdn Bhd. Oleh itu, CTB Solutions Sdn Bhd juga merupakan tempat perniagaan perayu yang akhir diketahui. Penyampaian P7 kepada perayu adalah melalui cara yang diperuntukkan dalam s. 78(2)(b). Penyampaian P7 kepada perayu adalah sempurna. Tidak timbul isu sama ada SP5 menyerahkan atau tidak menyerahkan P7 kepada perayu. Tidak timbul isu sama ada perayu dimaklumkan atau tidak dimaklumkan berkenaan P7. Apa yang penting ialah P7 telah disampaikan kepada perayu melalui salah satu cara yang dinyatakan dalam s. 78(2). Dalam kes ini, P7 disampaikan kepada perayu melalui cara yang dinyatakan dalam perenggan (b) s. 78(2).

[52] Elemen (ii) telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Elemen (iii): Perayu Gagal Hadir Di Hadapan Pegawai Penyiasat

[53] Elemen ini dibuktikan menerusi keterangan SP8. Perayu sememangnya gagal hadir di hadapan SP8 pada 14 Jun 2017.

[54] Adalah jelas bagi pertuduhan pertama suatu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap perayu. Setiap satu elemen kesalahan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Alasan (iv): SP8 Bukan Saksi Belot

[55] Peguam perayu berhujah hakim bicara telah khilaf apabila mendapati SP8 adalah saksi belot. Jika pun SP8 adalah saksi belot ini tidak bermakna keterangan SP8 harus diketepikan secara keseluruhan. Hakim bicara perlu meneliti keseluruhan keterangan SP8 sama ada bercanggahan dengan e-mel atau WhatsApp. Hakim bicara telah khilaf dalam menolak keterangan SP8. Sekiranya diterima keterangan SP8 telah menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan. Sabitan ke atas perayu adalah tidak selamat.

[56] TPR berhujah mahkamah mempunyai budi bicara di bawah s. 154 Akta Keterangan untuk membenarkan pihak pendakwaan memeriksa balas SP8. Hakim bicara adalah betul apabila mendapati SP8 saksi belot. Hakim bicara menilai keterangan SP8 dengan keterangan lain, menerima sebahagian dan menolak sebahagian keterangannya. Tidak ada alasan untuk mewajarkan mahkamah ini mengganggu.

[57] Hakim bicara mempunyai budi bicara di bawah s. 154 Akta Keterangan untuk membenarkan permohonan pihak pendakwaan bagi memeriksa balas saksinya. Hakim bicara memutuskan SP8 adalah saksi belot. Hakim bicara menerima sebahagian keterangan dan menolak sebahagian keterangan SP8 (lihat: *Lim Tim Peng v. PP* [1998] 5 CLJ 408). Pada pandangan saya hakim bicara telah menggunakan budi bicaranya dengan betul. Hakim bicara mempunyai kelebihan melihat dan mendengar ketika SP8 memberikan keterangan. Tidak ada alasan untuk saya mengganggu.

Pembelaan Perayu

[58] Hakim bicara telah menimbang pembelaan perayu. Pembelaan perayu adalah berbentuk penafian, rekaan dan pemikiran terkemudian. Perayu sememangnya berniat untuk tidak mematuhi setiap perintah tersebut. Pembelaan perayu gagal menimbulkan satu keraguan munasabah dalam kes pendakwaan dan pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah.

[59] Saya hanya menyentuh pembelaan perayu berkaitan pertuduhan pertama sahaja.

[60] Pembelaan perayu ialah P7 tidak diserahkan kepadanya. Keterangan pendakwaan menunjukkan P7 disampaikan kepada perayu melalui cara yang diperuntukkan dalam perenggan (b) s. 78(2) AMLATFPUA. Tiada isu berkaitan penyampaian P7 kepada perayu. Tiada keraguan bahawa P7 telah disampaikan kepada perayu. Pembelaan perayu bahawa tarikh 14 Jun 2017 tidak sesuai dan minta ditangguhkan kepada tarikh lain tidak menimbulkan keraguan munasabah berkenaan kegagalannya untuk hadir pada 14 Jun 2017. Perayu dengan sengaja gagal hadir pada 14 Jun 2017. Perayu mempunyai niat

untuk tidak hadir pada 14 Jun 2017. Perayu sendiri mengakui tidak hadir di Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 2017 dan 2018. Tiada keraguan bahawa perayu gagal hadir pada 14 Jun 2017.

[61] Saya telah meneliti keseluruhan kes. Tidak ada keraguan dalam kes pendakwaan (pertuduhan pertama). Kesalahan bagi pertuduhan pertama telah dibuktikan melampaui keraguan munasabah.

[62] Pembelaan perayu tidak menimbulkan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan (pertuduhan pertama).

[63] Tidak terdapat alasan yang mencukupi untuk saya mengganggu dapatan hakim bicara yang mendapati perayu bersalah atas pertuduhan pertama di bawah s. 32(8)(a) AMLATFPUA dan disabitkan.

[64] Sabitan terhadap perayu bagi pertuduhan pertama di bawah s. 32(8)(a) AMLATFPUA adalah selamat. Terdapat keterangan kukuh untuk mensabitkan perayu.

[65] Sabitan bagi pertuduhan pertama dikekalkan. Sabitan bagi pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga diketepikan.

Rayuan Terhadap Hukuman

[66] Peguam perayu berhujah hukuman oleh hakim bicara terlampau berlebihan. Hakim bicara gagal mengambil kira faktor peringanan hukuman dan hal keadaan yang memihak kepada perayu. Hakim bicara juga gagal mengikuti keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Ong Kar Kian v. PP* (Rayuan Jenayah No: WA-42-SC-1-12-2020).

[67] Hukuman bagi kesalahan di bawah s. 32(8)(a) AMLATFPUA ialah denda tidak melebihi RM3 juta ringgit atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali. Justeru, hukuman satu hari penjara dan denda RM100,000 bagi pertuduhan pertama bukan terlampau berlebihan. Hakim bicara telah menggunakan prinsip penghukuman dengan betul.

[68] Hukuman bagi pertuduhan pertama dikekalkan. Hukuman bagi pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga diketepikan. Denda bagi pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga jika telah dibayar dikembalikan semula kepada perayu.

Hukuman Bagi Kesalahan Berterusan

[69] Hakim bicara menjatuhkan hukuman denda bagi kesalahan berterusan RM2,000 sehari dari tarikh 15 Jun 2017 hingga 18 Februari 2020 (979 hari) berjumlah RM1,958,000 jika tidak bayar 12 bulan penjara.

[70] Seksyen 32(8) AMLATFPUA memperuntukkan seperti berikut:

32(8)…

(a) ...;

(b) ...; or

(c) ...,

... and, in the case of a continuing offence, shall in addition be liable to a fine not exceeding three thousand ringgit for each day or part thereof during which the offence continues to be committed.

[71] Ketika pendengaran rayuan, saya merujuk kepada kes *Meow Loong Onn v. PP* [1996] 3 CLJ 444 dan *PP v. Choo Kang Leng* [2022] 3 CLJ 491 berkenaan kesalahan berterusan. Walau bagaimana pun, kedua-dua kes yang saya rujuk itu tidak terpakai dan boleh dibezakan. Ini kerana peruntukan undang-undang berkenaan kesalahan berterusan dalam kedua-dua kes itu menggunakan perkataan berlainan dengan peruntukan undang-undang berkenaan kesalahan berterusan dalam rayuan ini.

[72] Dalam kes *Meow Loong Onn v. PP supra*, s. 26(1) Federal Territory (Planning) Act 1982 memperuntukkan seperti berikut:

26(1) ...

(a) ...;

(b) ...;

and in the case of a continuing offence to a further fine which may extend to five hundred ringgit for every day during which the offence continues **after conviction for the first commission of the offence.** (emphasis added)

[73] Dalam kes *PP v. Choo Kang Leng supra*, s. 70(13) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 memperuntukkan seperti berikut:

70(13) ...

(a) ...;

(aa) ...;

(b) ...;

(c) ... atau

(d) ...,

dan juga boleh didenda tambahan sebanyak satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan **selepas sabitan**.

(penekanan ditambah)

[74] Peruntukan undang-undang dalam kedua-dua kes di atas menggunakan perkataan "selepas sabitan".

[75] Peruntukan undang-undang dalam rayuan ini tidak menggunakan perkataan "selepas sabitan".

[76] Dalam kes *Taiping Town Council v. Beh Cheng Siew* [1955] 1 LNS 154; [1955] 21 MLJ 102 yang dirujuk oleh TPR dalam hujahan tambahan bertulis perkataan yang digunakan di bawah s. 17(ii) Town Boards Enactment, Cap. 137 berkenaan kesalahan berterusan ialah – or in the case of a continuing offence to the sum of ten dollars a day for every day during which such offence is continued. Fakta dalam kes ini ialah tertuduh diserahkan dengan suatu notis pada 10 Julai 1954 yang menghendaki dia membuat kerja tertentu dalam masa tiga bulan tidak lewat daripada 10 Oktober 1954. Pertuduhan terhadap tertuduh ialah bahawa pada 20 Oktober 1954 dia gagal mematuhi notis tersebut. Mahkamah Tinggi menyatakan:

> In other words, he had commenced to commit the offence on 11th October and had continued to commit it so far as the charge was concerned until 20th October

[77] Walau bagaimanapun fakta dalam kes *Taiping Town Council v. Beh Cheng Siew supra* boleh dibezakan dengan fakta dalam rayuan ini. Dalam kes *Taiping Town Council v. Beh Cheng Siew* (*supra*) notis menghendaki tertuduh membuat kerja tertentu dalam masa tiga bulan tidak lewat daripada 10 Oktober 1954. Tertuduh diberikan tempoh masa tiga bulan untuk membuat kerja tersebut. Dalam rayuan ini, perayu dikehendaki hadir pada satu hari sahaja dan bukan dikehendaki untuk terus hadir dari hari ke hari sehingga pemeriksaan selesai.

[78] Dalam kes *State Of Bihar v. Deokaran Nenshi* [1973] 1 SCR 1004 kesalahan berterusan dinyatakan seperti berikut:

> A continuing offence is one which is susceptible of continuance and is distinguishable from the one which is commited once and for all. It is one of those offences which arises out of a failure to obey or comply with the rule or its requirement and which involves a penalty, the liability for which continues until the rule or its requirement is obeyed or complied with. On every occasion that such disobedience or non-compliance occurs and recurs, there is the offence committed.The distinction between the two kinds of offences is between an act or omission which constitutes an offence once and for all and an act or omission which continues and therefore, constitutes a fresh offence every time or occasion on which it continues.In the case of a continuing offence, there is thus the ingredient of continuance of the offence which is absent in the case of an offence which takes place when an act or omission is commited once and for all.

[79] Seksyen 32(8) AMLATFPUA memperuntukkan penalti bagi suatu kesalahan berterusan. Perenggan (a) di bawah s. 32(8) adalah relevan bagi tujuan rayuan ini iaitu gagal hadir di hadapan pegawai penyiasat sebagaimana dikehendaki di bawah s. 32(2)(a).

[80] Pada pandangan saya, mahkamah perlu melihat apakah kehendak perintah yang dikeluarkan itu untuk menentukan sama ada gagal hadir di hadapan pegawai penyiasat merupakan kesalahan sekali dan untuk semua (once and for all) atau pun kesalahan berterusan.

[81] Dalam rayuan ini, P7 yang dikeluarkan kepada perayu menghendaki perayu hadir di hadapan pegawai penyiasat pada satu hari sahaja iaitu 14 Jun 2017. Perayu bukan dikehendaki untuk terus hadir dari hari ke hari sehingga pemeriksaan selesai. Oleh kerana P7 hanya menghendaki perayu hadir pada 14 Jun 2017 dan bukan untuk terus hadir dari hari ke hari sehingga pemeriksaan selesai, maka apabila perayu gagal hadir pada 14 Jun 2017 perayu hanya melakukan kesalahan sekali dan untuk semua dan bukan kesalahan berterusan. Perayu hanya melakukan kesalahan gagal hadir pada 14 Jun 2017 sebagaimana dikehendaki oleh P7. Perayu bukan melakukan kesalahan bermula pada 15 Jun 2017 dan terus melakukannya hingga 18 Februari 2020 kerana P7 sendiri tidak menghendaki dia terus hadir dari hari ke hari sehingga pemeriksaan selesai. Tidak terdapat elemen kesalahan berterusan yang dilakukan oleh perayu.

[82] Justeru, hukuman denda bagi kesalahan berterusan diketepikan.

Kesimpulan

[83] Berdasarkan alasan di atas rayuan perayu dibenarkan sebahagian.